

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 NOVEMBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 13

Ekonomi negara belum pulih

“

Akan tetapi sangat sedikit yang bercerita tentang kedudukan kewangan dan fiskal kerajaan. Kedudukan fiskal sekarang teruk. Selama 22 tahun belanjawan defisit, pinjam duit sehingga mencecah sampai RM1 trilion.”

mahal, berlaku inflasi. Harga barang naik dan kesan kepada pelbagai produk. Untuk menahan aliran keluar terlalu teruk sehingga menjenaskan kadar pertukaran ringgit dengan dolar, Bank Negara Malaysia (BNM) turut naikkan OPR untuk pastikan perbezaan dengan mata wang dolar tidak terlalu jauh. Tapi masalahnya, pinjaman rumah dan pelbagai lagi sudah tentu naik. Jadi kita terperangkap. Kos pinjaman kerajaan turut naik.

Di AS tidak mengapa mereka mahu kawal ekonomi. Tapi Malaysia? Kita perlu buat persiapan kalau ekonomi dunia mengucung lagi pada 2023. Kerajaan kena rancang sesuatu. Sebab itu, projek mega perlu dihentikan dulu. Kawal perbelanjaan.

Adakah wajar syarikat berkaitan kerajaan (GLC) antaranya Felda atau entiti perniagaan seperti Sime Darby membantu kerajaan untuk pastikan keselamatan makanan terjamin?

Takrifan perlu jelas. Badan berkanan seperti Felda, Tabung Haji bukan syarikat. Mereka ditubuhkan oleh Akta Parlimen demam matlamat dasar tertentu. Mereka ada membentuk syarikat dan syarikat tersebut bolehlah kita panggil sebagai GLC. Akan tetapi syarikat swasta terseronai seperti Sime Darby, Maybank dan Telekom adalah syarikat bermotifkan komersial demi membuat keuntungan agar boleh membayar dividen kepada pemegang saham termasuk dana seperti KWSP, Tabung Haji dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Dana ini juga ditubuhkan Akta Parlimen untuk tujuan tertentu. Bukan dazu kerajaan.

Syarikat swasta yang mempunyai pelaburan daripada dana ini bukanlah GLC. Mereka syarikat komersial yang membuat untung untuk pemegang saham. Ada pemegang saham mereka adalah dana statutori. Tidak menjadikan mereka GLC. Badan berkanan boleh mempelopori apa-apa dasar kerajaan jika ia ada berkaitan. Felda ada tanah dan boleh menimbulkan mempelopori pengeluaran makanan.

Namun, Sime Darby syarikat swasta yang mana keputusannya dibuat oleh lembaga penguruh dan pemegang saham. Kalau untung tentu mereka memasuki bidang tersebut.

Ekonomi negara belum pulih

APAKAH yang perlu dilaksanakan kerajaan baharu untuk meningkatkan ekonomi negara?

MUHAMMED: Perlu diakui bahawa ekonomi negara belum pulih. Kita dengar baru-baru ini ekonomi naik 14 peratus. Ya ekonomi berkembang tapi sebelum ini kita dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Siap pun tidak keluar rumah. Lagipun kita masih belum pulih sebab pertama, gaji rakyat masih rendah ketika ini berbanding 2019. Gaji belum pulih. Kalau orang Melayu gaji kurang kira-kira 15 peratus iaitu RM300 berbanding 2019.

Selepas itu orang hilang kerja sekarang kira-kira 600,000 orang. Sebelum Covid-19 pun sudah 450,000. Jadi sektor buruh masih lemah, tidak pulih dengan kadar pengangguran sekarang masih tinggi berbanding 2019. Justeru kajau nak ingat kita pulih, sebenarnya belum. Bermaksud bantuan perlu diperbaharui untuk rakyat. Justeru apa yangboleh kita buat?

Pertama, kita perlukan pendapatan untuk berbelanja demi rakyat. Sekarang kita dengar banyak yang kata nak buat GST. GST tanpa pembaharuan cukai lain adalah tidak adil kerana GST lebih menebak kerajaan kepada orang susah.

Ini bermaksud untuk kerajaan baharu ini jangan tekan orang susah dan dalam masa sama bukan tekan orang kaya. Cukai mestilah adil. Kalau buat GST kena buat juga cukai modal atau cukai dividen. Kita boleh buat tanda aras, kalau dividen kurang 100,000 dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau KWSP, jangan cukai. Tapi yang lain harus dikenakan.

Kalau kita sayarikat juga dapat gaji RM100,000 sahaja perlu bayar cukai tapi kalau untung dividen RM100,000 dalam jumlah sama, saya tidak dikenakan cukai sedangkan kita semua dapat jumlah sama. Cukai perlu adil. Kalau buat GST tanpa cukai lain ini menebak orang susah.

Yang kedua pula, apabila sudah ada pendapatan daripada cukai, jangan membazir terutama bantuan diberikan tidak sampai kepada orang memerlukan. Banyak yang cakap mahu memperbaiki subsidi. Itu benda betul dan harus dilakukan.

Saya ber contoh mudah. Kalau ada berpendapatan RM1,000, subsidi untuk minyak petrol untuknya kira-kira RM16. Kalau seseorang itu berpendapatan RM10,000 dengan subsidi dia kira-kira RM10,000. Namun caranya perlu dibuat dengan bermaruah. Tidak perlu buat kad kerana melibatkan kos. Bantuan subsidi perlu diberi melalui akaun bank. Mungkin ada segelintir membazir, beli rokok atau lain-lain.

lain. Lagipun berapa kerat membazir kerana majoriti orang susah memang gunakan ke arah kebaikan.

Ketiga, cabaran sebelum ini akibat Covid-19. Tapi masalahnya polisi kerajaan terdahulu nak tolong ekonomi kita dengan korek tabung sendiri tanpa tahu kesan akan datang. Walhal rata-rata orang Melayu sekarang 50 peratus ada yang simpanan tidak sampai RM4,000. Jadi, bantuan orang tua apabila penceran harus dilihat dan bantuan selepas bersara terutama kepada pesara yang berada di bawah paras kemiskinan.

SUBSIDI BERSARAS

Bagaimana dengan keperluan data seandainya pemberian subsidi bersasar dilaksanakan?

Kalau untuk subsidi bersasar tidak susah sebab kita ada data yang banyak. Sekarang pun ada 19 sehingga 20 data daripada pelbagai agensi. Kalau pendapatan bawah RM3,000 kita beri bantuan tunai dalam bentuk tunai untuk org susah. Subsidi untuk pengangkutan petrol sebab kita tahu siapa yang dapat. Sistem harus mudah dan senang.

Apakah mekanisme terbaik bagi memastikan golongan B40 atau yang berada di bawah paras kemiskinan menerima pulangan sumbu selepas dikenakan GST?

Untuk bagi pulangan balik itu perkara kedua. Pertama duit tunai yang kerajaan dapat harus digunakan dengan baik. Cukai GST berbanding negara lain bukan paling tinggi dan cukai pendapatan pun bukan paling tinggi. Kalau negara lain Denmark, Sweden dan Finland, lebih kurang 50 peratus pendapatan mereka dikenakan cukai. Tapi rakyat

“

Ini bermaksud untuk kerajaan baharu ini jangan tekan orang susah dan dalam masa yang sama bukan tekan orang kaya.”



mereka tidak banyak yang lari berbanding negara lain.

Sebab apa? Kerana ada pulangannya dan duit dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk lain. Sebagai contoh, pendidikan percuma, makanan anak di sekolah percuma dan tiada ketirisan. Duit digunakan dengan betul.

Ini tidak. Cukai dibayar tapi Kabinet ramai dan ini sudah tentu menyebabkan orang marah. Pada masa sama harga barang naik. Kedua, harga barang perlu distabilkan. Untuk yang kurang berkemampuan pula, bantuan tunai harus diberikan. Sekarang ini bantuan bukan dapat pada orang susah tapi pada golongan pertengahan dan orang kaya.

Adakah wajar melaksanakan skim gaji minimum baharu?

Gaji minimum sekarang RM1,500. Jadi berapa gaji patut diberikan? BNM dan KWSP ada buat pun kajian berapa gaji minimum diperlukan untuk hidup di ibu kota. Untuk seorang kira-kira RM2,800. Kalau nak naik terus sukar untuk syarikat. Tapi itu harus jadi matlamat kita. Ke arah *living wage* (sara hidup) yang dapat memenuhi kos minimum. Dan ini boleh bergerak dan dimulakan bukan sahaja kerajaan tetapi syarikat swasta termasuk GLC. Mungkin pelepasan cukai dilaksanakan ke arah *living wage*. Nak kata tiada duit susah juga. Gaji CEO bayaran gaji tinggi takkan gaji pekerja RM2,800 sebagai permulaan tidak boleh?

HARGA BARANG TAK TURUN

Jangkaan OPR naik tahun depan?

Sebab apa naik? Sebab yang diberikan kalau tidak naik, ringgit akan jatuh dan menyebabkan inflasi. Tapi sebelum ini kata OPR naik sebab nak kawal harga barang dan mata wang ringgit. Tapi harga barang turun ke atau mata wang ringgit naik?

Jadi apa yang boleh kita atasi? Kalau dilihat pada individu itu contoh dia ada RM100 dan dia mana dia banyak belanja?

Banyak pada makanan, pengangkutan, rumah dan utiliti.

Kalau harga barang, kita import hampir RM60 bilion untuk makanan. Jadi dasar makanan domestik itu penting dan harus dipertingkat. Kedua, untuk peningkatan harga barang, rasionalisasi subsidi perlu dilakukan. Tiada lagi bantuan untuk orang kaya.